

Pendidikan silang budaya lahir pelajar bersikap terbuka

Mengintegrasikan penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar sosiobudaya adalah cabaran sejak negara mencapai kemerdekaan. Menyedari hakikat itu, pelbagai konsep dan kempen ke arah pengintegrasian dilakukan seperti identiti nasional, bangsa Malaysia, jati diri kebangsaan sehinggalah kepada 1Malaysia.

Sejarah menunjukkan bahawa pelbagai usaha dirangka dengan rapi dan sistematik, terutama dalam bidang pendidikan. Menurut Pensyarah Kanan Sosiologi Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Mahzan Awang, penggubalan kurikulum standard, penubuhan Sekolah Wawasan, pengenalan pembelajaran bahasa ketiga, Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) serta kurikulum untuk

perpaduan adalah antara usaha dilakukan sejak dari dahulu lagi.

Biarpun isu sekolah pelbagai aliran berasaskan etnik menjadi kebimbangan sejak merdeka lagi, apa yang dicapai hari ini adalah hasil kepelbagaian sistem perse-

“
Pendidikan silang budaya gabungkan beberapa komponen pelajaran membabitkan ketiga-tiga golongan pelajar yang mengambil bahasa ibunda di sekolah”

kolahan sedemikian.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan bahawa isu perpaduan antara kaum kini berada dalam keadaan agak membimbangkan. Justeru, kita harus mencari formula penyatuan semula yang terbit dari hati naluri setiap rakyat.

Beliau turut menyatakan bahawa perpaduan bukan hanya kata-kata retorik dalam ucapan atau pidato, tetapi harus dilaksanakan dengan melakukan asimilasi secara tidak langsung melalui sistem pendidikan.

Menyedari hal ini, dicadangkan agar pendidikan silang budaya diberi tumpuan dalam perencanaan pendidikan kebangsaan. Pendidikan silang budaya adalah satu titik kebersamaan pada peringkat sekolah untuk membolehkan pelajar memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum lain.

Langkah ini bukan bermakna sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan dihapuskan, sebaliknya pendidik di sekolah aliran ber-

kenaan masih terikat dengan dasar dan teras pendidikan negara.

Pendidikan silang budaya ini dihasilkan dengan menggabungkan beberapa komponen pelajaran membabitkan ketiga-tiga golongan pelajar yang mengambil bahasa ibunda di sekolah.

Fahami budaya kaum lain

Pakej ini bertujuan menjadikan setiap golongan pelajar yang datang daripada latar berbeza, celik akan budaya mereka sendiri dan budaya kaum lain.

Pakej pembelajaran ini juga menggabungkan nilai budaya, pembelajaran sosial dan emosi serta kemahiran abad ke-21, dalam satu pembelajaran berteknik dan dilaksanakan secara struktural.

Maka bertepatan untuk pendidikan silang budaya dilaksanakan supaya rakyat dapat mencari titik pertemuan dalam kepelbagaian kaum dan bukan mencari titik perbezaan.

Menjadi harapan rakyat Malaysia supaya kokurikulum, sukatan pelajaran dan teras pendidikan

sekolah di negara ini dipacu menjurus ke arah perpaduan, bukan sekadar menumpukan aspek kecemerlangan pencapaian akademik semata-mata.

Ahli akademik juga disaran supaya berbincang lebih lanjut mengenai pendidikan silang budaya dengan mengupas intipatinya serta langkah yang perlu diambil bagi memperkasa nilai dan peranan silang budaya di dalam bidang pendidikan.

Dengan adanya penerapan nilai silang budaya di dalam bidang pendidikan, integrasi antara kaum dilihat akan lebih menyerlah.

Lantas salah faham antara pelajar berbilang kaum akan menjadi semakin berkurang lantaran pelajar lebih bersikap terbuka untuk mendalami budaya kaum lain demi menjamin kemakmuran Malaysia sebagai negara yang berbilang bangsa, budaya dan agama.



Dr Nurkhamimi Zainuddin,
Fakulti Pengajian
Bahasa Utama Universiti
Sains Islam Malaysia